

18/06/1998

MMPM minta utamakan program pendidikan

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Mesyuarat Pelajar Malaysia (MMPM) meminta kerajaan memastikan supaya program pendidikan terus diberi perhatian utama, walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi.

MMPM yang dianggotai 12 persatuan pelajar Malaysia di dalam dan luar negara bimbang kepentingan pendidikan dikompromi dengan kepentingan lain berikutan pertumbuhan ekonomi negara semakin susut dan pendapatan rakyat berkurangan.

Sehubungan itu, MMPM akan menyampaikan memorandum kepada kerajaan mengenai perkara itu dalam pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pada 26 Jun ini.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Hamidi Abdul Manan, yang mewakili MMPM berkata sumber dana yang sedia ada harus dimanfaatkan sepenuhnya bagi membiayai program pendidikan untuk setiap lapisan masyarakat.

Antara anggota MMPM yang hadir ialah Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Gabungan Mahasiswa Islam Semenanjung (Gamis), Majlis-majlis Perwakilan Pelajar Universiti Utara Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar ITM Shah Alam dan Majlis Tertinggi Pelajar Malaysia United Kingdom (UKEC).

Hamidi berkata, gerakan mahasiswa berpendapat satu tindakan drastik dan menyeluruh perlu segera diambil untuk memulihkan ekonomi negara.

Selaras itu, katanya, semua amalan salah laku dalam pengagihan kekayaan negara perlu segera dihapuskan.

"Pemberian kontrak besar kepada syarikat yang mempunyai hubungan rapat dengan kalangan pemerintah dan golongan wewenang perlu segera diperbetulkan," katanya.

(END)